


RENCANA UTAMA

Oleh: Noor Azam Abdul Rahman





SEDEKAD TRANSFORMASI

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

Sesungguhnya dalam merealisasikan sebuah perancangan yang lengkap dan teratur bagi persediaan dalam pembangunan modal insan serta pembangunan negara dalam tempoh tertentu, pastinya menuntut komitmen dan tanggungjawab yang besar.

Usaha untuk menjadikan pelan pembangunan yang telah menggariskan matlamat dan harapan yang tinggi memerlukan komitmen yang bukan sedikit. Hal ini terkait dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Perkara ini secara langsung menunjukkan bahawa usaha ke arah pembangunan modal insan di Malaysia merupakan satu usaha yang terancang dan berterusan daripada pihak berkaitan untuk menjadikan masa hadapan negara kita lebih baik dan maju.

Perancangan modal insan terutamanya agenda yang memfokuskan pembangunan pendidikan merupakan satu proses berpanjangan yang memerlukan penelitian yang rapi dan teratur. Sesuatu yang telah dirancang dengan baik merupakan satu tugas yang amat mencabar untuk dibuktikan dengan kejayaan melaksanakannya, lebih-lebih lagi untuk merealisasikan perancangan berkaitan dengan pembangunan pendidikan anak bangsa di sebuah negara yang sedang berusaha untuk menjadi

negara maju. Bukan kecil cabaran yang dihadapi, lebih-lebih dalam tempoh pelan tersebut dilaksanakan, negara terpaksa menempuh banyak rintangan persekitaran seperti pandemik, darurat kesihatan dan ketidaktentuan ekonomi dunia yang telah memberikan kesan langsung terhadap sektor pendidikan negara.

PPPM 2013 – 2025 merupakan sebuah pelan jangka panjang yang berkaitan dengan proses pembangunan sektor pendidikan di negara kita. Pelan ini telah menggariskan satu usaha yang berterusan ke arah meningkatkan sektor pendidikan secara holistik dan mampan. Berdasarkan Laporan Tahunan 2022 berkaitan dengan PPPM ini, terdapat lima teras utama yang dirancang melalui pelan ini untuk dicapai dalam tempoh pelaksanaannya, iaitu bermula pada tahun 2013 hingga tahun 2025. Lima aspirasi yang dapat dilihat hasilnya dalam tempoh sedekad pelaksanaan PPPM ini adalah berkaitan dengan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.



Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek ketika membentangkan laporan PPPM 2013 – 2025, baru-baru ini.

Dalam tempoh sedekad pelaksanaannya, PPPM telah berjaya mencapai anjakan perubahan yang digariskan. Dalam tempoh ini, lima aspirasi yang ditetapkan dapat dicapai walaupun sepanjang tempoh tersebut negara telah diuji dengan pelbagai cabaran. Sebagai contoh, aspirasi akses terhadap pendidikan dalam kalangan pelajar telah meningkat daripada 84.4 peratus bagi sekolah menengah atas pada tahun 2013 kepada 90 peratus akses pendidikan pada tahap yang sama pada tahun 2022. Manakala bagi akses pendidikan menengah rendah dan pendidikan rendah masing-masing berubah daripada 93.5 peratus pada tahun 2013 kepada 95.3 peratus pada tahun 2022 dan 94.4 peratus pada tahun 2013 kepada 98.3 peratus pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, jika dilihat kepada akses pendidikan prasekolah, peratus yang dicatatkan adalah menurun daripada 81.7 peratus pada tahun 2013 kepada 80.2 peratus pada tahun 2022.

Secara umumnya laporan kemajuan sedekad PPPM 2013 – 2025 bagi aspirasi akses ini telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Cuma pada akses pendidikan peringkat prasekolah sahaja terdapat sedikit penurunan. Terdapat banyak faktor yang mendorong kepada penurunan peratusan

tersebut. Antaranya termasuklah pada tempoh yang dinyatakan, pendidikan prasekolah telah ditutup sepanjang tempoh negara dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Manakala sebahagian besar anjakan perubahan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menangani isu akses pendidikan ini telah menyumbang kepada kenaikan peratusan yang direkodkan. Antara termasuklah, KPM telah mewujudkan sekolah untuk memastikan tiada murid yang terpinggir. Terdapat juga pelaksanaan Garis Panduan Murid Berisiko Cicir yang berjaya memastikan terdapat rekod yang jelas tentang isu keciciran pelajar ataupun murid yang terpinggir. Di samping itu, pelaksanaan Ziarah Cakna yang menggalakkan setiap sekolah memainkan peranan utama bagi memastikan setiap isu yang mendorong kepada keciciran murid juga dapat ditangani secara langsung oleh pihak yang berkaitan terutama pihak sekolah.

Dalam aspek peningkatan kualiti murid yang terhasil daripada sistem pendidikan di Malaysia, telah merekodkan peningkatan kualiti dalam kalangan murid pada tempoh tersebut. Kualiti murid ini diukur berdasarkan pencapaian dalam penandaan dengan negara maju bagi melahirkan

“Sebahagian besar anjakan perubahan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menangani isu akses pendidikan ini telah menyumbang kepada kenaikan peratusan yang direkodkan.”





pendidikan manusiawi akan menjadikan murid lebih menghargai sebuah kehidupan.

murid yang berkemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Peningkatan kualiti murid dapat dilihat berdasarkan terasi Bacaan, Matematik dan Sains sejak tahun 2012 hingga tahun 2018 dalam kajian Programme for International Student Assessment (PISA), iaitu suatu program pentaksiran dan kajian antarabangsa. Dalam aspek ini, laporan PPPM 2022 menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan sebanyak 3 peratus. Laporan PPPM 2022 juga mencatatkan peningkatan sebanyak 10 peratus purata merentas literasi Matematik dan Sains dari tahun 2011 hingga tahun 2018 dalam kajian Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS).

Peningkatan peratusan purata dalam kajian PISA dan TIMSS ini merupakan hasil daripada pelaksanaan beberapa langkah dan dasar penting KPM dalam perkara yang berkaitan dengan literasi Bahasa, Matematik dan Sains. Antaranya termasuklah dengan mewujudkan satu Kerangka Standard Bahasa Melayu sebagai standard kompetensi

berbahasa Melayu bagi pengguna bahasa Melayu, selain pelaksanaan program Dual Language Programme (DLP) dan Highly Immersive Programme (HIP) bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid.

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) juga telah ditambahbaikkan dari segi prosesnya bagi memberikan impak kepada peningkatan kualiti murid, khususnya dalam literasi berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Tumpuan terhadap kualiti murid ini telah dipertingkatkan dengan menyediakan guru yang tersenarai dalam kalangan yang terbaik. Untuk itu, KPM telah membuat penetapan baharu yang mewajibkan hanya calon guru yang memperoleh minima 5A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG).


Aspek ekuiti pula, sehingga tahun 2022 dilaporkan telah berlaku pengurangan sebanyak 29.5 peratus

jurang pencapaian bagi peperiksaan peringkat SPM antara murid luar bandar dengan murid di bandar. Manakala dari segi jantina pula direkodkan berlaku pengurangan sebanyak 40.5 peratus.

Berdasarkan peratusan jurang ekuiti yang dilaporkan seperti di atas menunjukkan bahawa beberapa langkah yang telah dilakukan oleh KPM telah membuahkan hasil walaupun dalam keadaan negara sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Peratusan ini dianggap sebagai nilai yang luar biasa jika dibandingkan dengan jurang pendidikan yang berlaku pada tempoh sebelumnya.

Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM untuk menangani isu yang berkaitan dengan jurang pencapaian murid ini adalah dengan meningkatkan peranan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), memperkenalkan Budaya Dialog Prestasi pada semua peringkat bagi membincangkan prestasi pendidikan secara berkala, pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) serta Program Transformasi Orang Asli dan Peribumi. Melalui program-program ini, KPM telah berjaya meningkatkan ekuiti pendidikan dengan mengurangkan jurang pencapaian antara murid luar bandar dengan murid di bandar.

PPPM 2013 – 2025 juga menetapkan objektif untuk meningkatkan lagi nilai perpaduan dalam kalangan murid multietnik di Malaysia. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, KPM melalui PPPM telah membuat satu pemetaan



KPM mengambil inisiatif dengan meningkatkan ekuiti pendidikan dengan mengurangkan jurang pencapaian antara murid luar bandar dengan murid di bandar.



Kerangka Pendidikan Karakter dengan kurikulum bagi menilai dengan lebih jelas tahap perpaduan dalam kalangan murid di Malaysia. Selain itu, aktiviti seperti Program Khidmat Masyarakat untuk murid pada peringkat sekolah menengah atas telah ditambahbaik termasuklah pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan di sekolah yang telah dijalankan sepanjang tempoh pelan ini dilaksanakan.

Cabaran Sedekad Transformasi PPPM 2013 – 2025

Dalam tempoh sedekad pelaksanaannya, pelbagai inisiatif bagi meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia telah berlangsung dengan penuh cabaran. Namun begitu, hasilnya menunjukkan satu kejayaan yang luar biasa. Di tengah-tengah cabaran seperti keadaan ekonomi dunia yang perlahan sehingga mempengaruhi keadaan ekonomi di Malaysia, ditambah pula dengan kecelaruan politik negara yang

menyaksikan berlakunya pertukaran pentadbiran kerajaan yang sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap tumpuan pihak berkaitan terhadap dasar pendidikan negara. Walaupun begitu, berdasarkan laporan kemajuan PPPM 2022 yang dibentangkan menunjukkan bahawa hasil daripada perancangan pelan tersebut tidak terjejas dengan faktor luaran yang berlaku sepanjang tempoh pelaksanaannya.


Sebagai contoh, Laporan PPPM 2022 menyatakan bahawa daripada 879 buah sekolah dalam kategori daif, sebanyak 644 buah sekolah telah selesai dinaikkan taraf sehingga tahun 2022. Data ini jelas menunjukkan bahawa walaupun pelbagai cabaran telah berlaku sepanjang tempoh dari tahun 2013 hingga tahun 2022, namun elemen kecekapan dalam pelaksanaan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Begitu juga dengan data yang menunjukkan sebanyak 10 028 buah sekolah dan pejabat pendidikan telah mempunyai capaian

Internet melalui perkhidmatan Interne interim dengan kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps. Kecekapan ini juga dapat dilihat dengan pelaksanaan Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA) sebagai platform pembelajaran digital KPM. Semua ini dapat dilaksanakan berdasarkan Dasar Pendidikan Digital yang telah dilancarkan dalam tempoh PPPM dilaksanakan.

Pencapaian sasaran aspirasi sistem PPPM 2013 – 2025 yang dibincangkan di atas membuktikan bahawa perancangan yang baik telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna oleh semua pihak yang berkaitan. Kejayaan ini merupakan satu hasil yang boleh dianggap sebagai luar biasa dan membanggakan. Pihak berwajib yang bertanggungjawab seperti KPM khususnya telah melaksanakan setiap aspirasi yang ditetapkan dalam tempoh sedekad ini dengan sebaik-baiknya.

Sesuai dengan hasrat utama KPM melalui pelaksanaan PPPM ini antaranya untuk membangunkan murid yang holistik melalui pembangunan karakter dan penguasaan ilmu. Dengan kata lain, setiap murid yang melalui proses pendidikan di sekolah seharusnya menjadi insan yang cemerlang dalam setiap ilmu yang ditekuni oleh mereka dan pada masa yang sama, mereka juga merupakan murid yang beradab dan saling hormat menghormati.

Bagi merealisasikan sepenuhnya aspirasi murid yang holistik ini, pihak KPM berdasarkan PPPM telah





nakan banyak inisiatif bagi atkan penguasaan ilmu ilangan pelajar. Program ins, Teknologi, Kejuruteraan matematik (STEM) misalnya, ilankan dengan menjalinkan ia strategik dengan pihak i dan agensi di dalam dan ara bagi meningkatkan rasa rid terhadap STEM. PPPM h memperbanyak pelibatan lam pertandingan yang r dengan STEM sama ada ingkat kebangsaan mahupun t antarabangsa. u bagaimanapun, hasrat embangkan murid istik tidak akan lengkap iru yang berwibawa serta etensi tinggi. Oleh itu, melalui, kerjaya sebagai guru juga eri perhatian oleh KPM sebahagian daripada proses ahabaikan kualiti pendidikan Dengan prinsip KPM untuk guru yang kalis masa, maka usaha ke arah itu telah akan menerusi peningkatan erjaya guru yang lebih menarik laya saing. dalam perkhidmatan ya, telah disediakan program gunan Profesional Berterusan ng membolehkan setiap ningkatkan peluang kerjaya masing di pelbagai agensi

pendidikan selain daripada di sekolah seperti di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau bahagian tertentu di KPM. Tawaran seumpama ini telah meningkatkan lagi laluan kerjaya seorang guru ke arah personaliti yang lebih profesional.

Dalam aspek kepemimpinan dan pentadbir pendidikan pula, PPPM telah melaksanakan satu mekanisme yang lebih baik dalam pemilihan calon jawatan pengetua dan guru besar di sekolah. Pelaksanaan saringan pemilihan yang ketat telah dijalankan bagi memilih calon pentadbir yang benar-benar berwibawa.

Manakala bagi guru-guru pula, hampir kesemua guru di bawah KPM pada waktu ini mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan ke atas. Dalam aspek etika dan sahsiah para guru, satu garis panduan yang dinamakan sebagai Standard Guru Malaysia (SGM) telah ditetapkan sebagai panduan guru melibatkan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta diperlihatkan oleh para guru.

Laporan PPPM 2022 yang telah dikemukakan oleh pihak KPM baru-baru ini merupakan sebuah dokumen lengkap yang menunjukkan kemajuan sedekad transformasi pendidikan di Malaysia. Pelbagai aspek telah ditangani dengan kaedah serta pendekatan dan inisiatif yang berjaya

meningkatkan setiap aspek dan elemen yang dihasratkan. Apabila membincangkan berkaitan dengan kejayaan pelaksanaan sebuah pelan yang baik pastinya dilihat pada hasil yang diperoleh daripada pelan tersebut. Dalam konteks PPPM ini, satu kejayaan yang luar biasa telah dicapai oleh pihak KPM walaupun telah menempuh banyak cabaran yang hebat.

Setelah meneliti secara terperinci pada setiap bahagian Laporan Tahunan 2022 PPPM, pelan ini membuktikan bahawa telah berlakunya pelaksanaan pelan yang berjaya. Walaupun tidak semua yang dirancang mencapai tahap yang dihasratkan, namun secara keseluruhannya PPPM 2013 – 2025 yang dilihat dalam tempoh sedekad pelaksanaannya telah berjaya menepati hasrat yang dirancang oleh KPM. Semua pihak yang berkaitan telah berusaha dengan sebaik-baiknya untuk merealisasikan setiap aspirasi yang ditetapkan dan berjaya mengharungi pelbagai cabaran dalam tempoh sedekad pelaksanaannya.

Akhirnya, kejayaan ini seharusnya terus menjadi pemangkin kepada pihak berwajib untuk meneruskan pelaksanaan yang masih lagi berbaki demi menjadikan perkara yang dirancang melalui PPPM 2013 – 2025 mampu mencapai kejayaan yang sepatutnya. □

Penulis, Pensyarah Kanan, Kolej Pendidikan Berterusan, Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.